

UNU tubuh pusat kesihatan global di Hospital UKM

UM-27(5/2006)

TOKYO 26 Mei - Malaysia hari ini mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila United Nations University (UNU) di sini memeterai perjanjian dengan kerajaan untuk menubuhkan sebuah pusat antarabangsa bagi kesihatan global di Malaysia.

Pusat itu, yang dikenali sebagai United Nations University-International Institute for Global Health (UNU-IIGH), akan bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menjalankan penyelidikan bermutu tinggi dalam bidang kesihatan awam, mengawal penyakit baru muncul, teleperubatan dan perubahan dalam kewangan kesihatan.

Ia akan ditempatkan di Hospital UKM di Cheras.

Pemilihan Malaysia adalah berikutan pengalaman dan komitmen negara dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui program kesihatan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyaksikan majlis MoU itu yang dilakukan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan Rektor UNU, Prof. Hans van Ginkel di Hotel Capitol Tokyo, di sini hari ini.

Terdahulu Abdullah diberi penghormatan menyampaikan ucapan pada siri syarahan U Thant Ke-12 anjuran universiti itu bertajuk *Islam Hadhari: Memupuk Urus Tadbir Baik Dalam Masyarakat dan Muhibah Antara Rakyat dan Budaya di Peringkat Antarabangsa*.

Penubuhan UNU-IIGH di UKM diluluskan oleh Kabinet pada 17 Mei lalu dengan sumbangan modal AS\$40 juta dan sumbangan operasi AS\$6.65 juta selama 10 tahun pertama beroperasi.

UNU, institusi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berpusat di Tokyo mempunyai 12 pusat penyelidikan dan latihan di seluruh dunia yang masing-masing mempunyai fokus berlainan.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, Abdullah berkata, penubuhan UNU-IIGH merupakan kejayaan Malaysia dan satu pengiktirafan terhadap kemampuan negara terutama dalam bidang meningkatkan taraf hidup rakyat melalui program kesihatan awam.

"Mereka juga ambil kira kejayaan kita menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat sehingga jangka hayat lebih tinggi berbanding dahulu iaitu 73 tahun bagi lelaki dan 74 tahun bagi wanita.

"Ini juga lebih tinggi berbanding kebanyakan negara membangun," katanya.